

# BN sedia bentuk kerajaan di Sabah

U.M 16 MAR 1994

**K**UALA LUMPUR 15 Mac — Barisan Nasional (BN) sudah bersedia untuk membentuk kerajaan baru di Sabah berikutan sembilan anggota Dewan Undangan Negeri dari Parti Bersatu Sabah (PBS) keluar parti dalam tempoh tiga hari lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bagi merintis jalan ke arah pembentukan kerajaan baru itu, BN akan mengemukakan undi tidak percaya terhadap Ketua Menteri kerajaan PBS, Datuk Joseph Pairin Kitingan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Jumat ini. **[Lagi laporan di muka 2, 3 dan 4]**

"Saya tidak nampak bagaimana PBS boleh terus memerintah kerana jelas bahawa mereka kini mempunyai kurang daripada separuh bilangan kerusi," katanya di Seri Perdana hari ini.

Tujuh daripada anggota Dewan Undangan Negeri yang meninggalkan PBS menyertai BN

manakala dua lagi membentuk parti baru, Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) yang juga akan menyertai BN.

Mereka yang membentuk PBRs ialah Setiausaha Agung PBS, Datuk Joseph Kurup dan Datuk Dr. Jeffrey Kitingan, adik Pairin.

Tujuh orang yang menyertai BN ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Chau Tek On; Naib Presiden PBS Datuk Lajim Okin; Pembantu Menteri Pertanian dan Perikanan, Robin Balang; Datuk Michael Lim dan dua anggota Dewan yang dilantik, Datuk Zainal Mohd. Isa dan Datuk Ahmad Baharom.

Chau menyertai BN melalui Parti Demokratik Liberal (LDP), Ahmad Baharom (UMNO), Lim (SAPP), manakala empat orang lagi belum memutuskan parti komponen yang akan disertai.

Dengan perkembangan ini, BN

**lihat muka 2**

## SAMBUNGAN DARI MUKA 1

### BN sedia bentuk kerajaan di Sabah

U.M 16 MAR 1994  
kini mempunyai 30 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Sabah, manakala kerusi PBS merosot tinggal 22.

Dalam pilihanraya negeri pada 18 dan 19 Februari lalu, PBS memenangi 25 dan BN 23 kerusi. PBS membentuk kerajaan selepas melantik enam anggota yang diperuntukkan oleh perlembagaan negeri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN menambah, BN menunggu masa yang sesuai untuk menemui Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Mohamed Said Keruak bagi menubuhkan kerajaan negeri yang baru mengikut peruntukan perlembagaan.

Katanya, BN memperolehi majoriti di Dewan Undangan Negeri berikutan penyertaan beberapa orang pemimpin PBS itu dan penubuhan PBRs yang mahu menyertai BN.

"Ini bermakna kita mempunyai majoriti dan terpaksa diadakan satu undi tidak percaya terhadap kerajaan negeri yang sedia ada. Kami berharap kebanyakan daripada anggota Dewan Undangan Negeri itu akan dapat membuat keputusan untuk menubuhkan kerajaan," kata-

nya kepada pemberita selepas mengadakan majlis Rumah Terbuka untuk orang kenamaan di kediamannya di Seri Perdana hari ini.

Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah yang pertama sejak pilihanraya negeri itu bulan lepas dijadualkan Jumaat ini.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata, tiga suku daripada anggota Dewan Undangan Negeri dari PBS dijangka menyertai BN.

Dr. Mahathir juga berkata, BN akan meluluskan permohonan oleh PBRs untuk menyertai BN. Majlis perasmian PBRs dilancarkan hari ini di Kota Kinabalu dengan Kurup sebagai Presiden sementara dan Jeffrey sebagai timbalannya.

Kurup ialah anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Sook manakala Jeffrey pula ialah anggota kawasan Bingkor.

Beliau berkata, BN akan memenuhi janjinya iaitu jawatan Ketua Menteri akan silih berganti antara pemimpin tiga kumpulan utama di negeri itu dengan setiap pemimpin memegang jawatan itu untuk tempoh dua tahun.